

**NO. SOALAN: 312**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY  
SANTIAGO [KLANG]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 10117**

**SOALAN :**

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kesudian Kerajaan untuk menempatkan pegawai perubatan di setiap lokap dan pusat tahanan di Malaysia. Berapakah jumlah kematian yang berlaku dalam perjalanan membawa pesakit dari pusat tahanan ke hospital daripada 2014-2017.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi penempatan pegawai perubatan di lokap-lokap polis, perbincangan awal telah diadakan dengan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menempatkan pegawai perubatan di 5 buah lokap berpusat di seluruh negara sebagai projek perintis. Namun cadangan tersebut terpaksa ditangguhkan disebabkan kekangan pegawai perubatan dan masalah teknikal lain. Sebagai langkah jangka pendek dan bagi tujuan memudahkan urusan rawatan kes-kes kecemasan orang kena tahan (OKT) di hospital, Kementerian Kesihatan telah mengeluarkan surat arahan bertarikh 17 April 2017 menjelaskan tentang jenis kes-kes kecemasan "Akut" yang perlu dibawa ke Jabatan Kecemasan dan Trauma.**

**Seramai 3 orang tahanan terdiri daripada seorang berbangsa Cina, Melayu dan rakyat asing telah meninggal dunia semasa dalam perjalanan ke hospital bagi tempoh dari 2014 hingga Jun 2017.**